

3 MAR 1996

Mahathir-China

BARAT BIMBANGI CHINA KERANA KEKUATAN EKONOMI, BUKAN KETENTERAAN, KATA PM

Oleh: K.C. Leong

BANGKOK, 3 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata apa yang dibimbangi oleh Barat terhadap China sekarang bukan kerana ia sebuah kuasa tentera tetapi kemunculan semula sebagai gergasi ekonomi dengan pasaran yang besar yang boleh memberikan syarat kepada negara yang mahu berdagang dengannya.

"Ini yang membimbangkan Barat," kata Perdana Menteri semasa ditanya mengenai pandangan beliau terhadap peranan China dalam hal ehwal dunia di sebuah forum yang dihadiri tokoh perniagaan Asia di sini.

Beliau menambah kata sebagai seorang yang optimis, beliau tidak fikir bahawa China memilih untuk berperang seperti yang dilakukan negara-negara sebelum ini.

"Peperangan sebagai cara untuk menyelesaikan masalah antarabangsa sudah ketinggalan zaman. Banyak kemusnahan berlaku akibat perang dan sesetengah negara kini sudah belajar bahawa untuk berkuasa, mereka perlu kuat dari segi ekonomi."

"Malah dengan mempunyai ekonomi yang kuat, kita boleh mempengaruhi apa-apa peristiwa yang berlaku di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir bahawa China akan merosakkan kekuatannya yang telah dibina selama ini, misalnya, dengan menakluki semula Taiwan seperti yang dilakukan oleh tentera Jepun pada masa dahulu. "Mereka mendapat semula Hong Kong tanpa melepaskan satu tembakanpun."

Katanya: "saya rasa terdapat beberapa penyelesaian terhadap kemelut berhubung Taiwan dan ia bukan penyelesaian ketenteraan".

"Saya lihat China adalah sebuah kuasa ekonomi yang kuat di dunia. Sama ada kita suka atau tidak, dengan 1.2 bilion rakyat, malah dengan pendapatan per kapita yang rendah, ia adalah satu pasaran yang besar dan menarik bagi seluruh dunia", katanya.

Ditanya mengenai peranan Taiwan dalam hal ehwal dunia, Dr Mahathir berkata beliau merasakan bahawa Taiwan mempunyai peranan yang perlu dimainkan, bukan sebagai sebuah negara yang merdeka tetapi sebagai sebuah unit.

Beliau mengambil contoh kehadiran Taiwan di Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di mana Taiwan diwakili bukan sebagai sebuah negara tetapi sebagai satu entiti khas.

"Tetapi jika Taiwan mahu berkeras supaya ia dilayan sebagai sebuah negara dengan pengiktirafan diplomatik dan mahu merdeka, saya fikir itu akan menimbulkan masalah," katanya.

Kepada pertanyaan berhubung orang Cina seberang laut di negara-negara Asia Tenggara, beliau berkata ia tidak dapat dinafikan bahawa mereka telah memberikan banyak sumbangan kepada negara-negara berkenaan.

Malah, mereka telah dapat berintegrasi dengan baik dalam masyarakat negara-negara itu dan sesetengahnya lebih berjaya daripada bangsa-bangsa lain di negara-negara tersebut, katanya.

Bagi Malaysia, beliau berkata orang Cina dikaitkan rapat dengan negara itu walaupun mereka dibenarkan mengekalkan sekolah, kebudayaan, persatuan dan nama asal mereka.

Dr Mahathir berkata terdapat satu lagi sumbangan yang boleh dilakukan oleh orang Cina seberang laut yang terkenal dengan kemahiran berniaga, iaitu mereka boleh menjadi "guru berniaga" setanding dengan mereka dari Barat.-- BERNAMA.

LKC OBA.